

Meriwayatkan Tragedi dalam Tradisi Epik: Wira Kecundang dalam *Hikayat Pocut Muhamat*

NORIAH TASLIM

Pengenalan: Teks, Pengarang dan Zaman

Hikayat Pocut Muhamat mungkin boleh dianggap sebagai tergolong dalam senarai epik Aceh yang awal seperti *Hikayat Teungku di Meuke*, *Hikayat Malim Dagang* dan *Hikayat Meukuta Alam*. Snouck Hurgronje (1985), seorang orientalis Belanda yang banyak menyelidik dan menulis tentang budaya Aceh (abad ke-19), semasa membuat penilaiannya tentang epik ini mengibaratkannya sebagai “sebutir permata dalam sastera Aceh”, malah kita rasa mungkin dalam sastera Indonesia juga.

Dalam masyarakat Aceh, karya epik ini (dikarang dalam bentuk puisi, hatta disebut sebagai puisi epik atau puisi heroik) adalah genre sastera Aceh yang paling asli, baik dari segi bentuk mahupun strukturnya; malah, mengikut Snouck Hurgronje, puisi epik tersebut mempunyai kedudukan yang lebih tinggi daripada karya-karya sastera Aceh lainnya.

Malah dalam konteks karya-karya epik Aceh yang lainpun, *Hikayat Pocut Muhamat* boleh dianggap sebagai epik yang terulung. Walaupun secara umum dikatakan *Hikayat Pocut Muhamat* ini bermodelkan epik-epik yang lebih awal (contohnya *Hikayat Malim Dagang*) dan memiliki ciri-ciri stereotaip epik Aceh yang lain, namun dalam banyak hal epik ini dianggap lebih hebat daripada epik-epik sebelumnya. Kita petik pandangan Drewes tentang hal ini (1979: 26):

... his [pengarang *Hikayat Pocut Muhamat*] superiority to his predecessor can hardly be questioned. For irrespective of whether the earlier epic served as model or the points of resemblance belong to the stereotyped characteristics of the Achehnese epic, it is owing to the poet's skill that everything fits in quite naturally. Nothing strikes one as added for mere form's sake; all situations are taken from life...

Hikayat ini dipercayai dikarang pada pertengahan abad ke-18 oleh seorang teungku yang berasal atau mungkin juga tinggal di Lam Rukam, sebuah kampung di Mukim di daerah Aceh Besar. Kerana itu, beliau dikenali sebagai Teungku Lam Rukam (Drewes 1979).

Berdasarkan gelarannya sebagai teungku (gelaran mulia untuk ulama), kita boleh andaikan beliau ini seorang yang berkedudukan dan juga mempunyai pendidikan yang lebih tinggi daripada anggota masyarakat yang lain. Seperti yang tercatat dalam hikayat ini, golongan ini selalunya memegang jawatan utama sama ada di istana, di Mukim atau di Gampong.

Demikian itu, walaupun di bahagian akhir hikayat ini beliau berkata:

Beurajeuk ampon nyang keusalahan, keureuna lon tuan hana bisa
(Banyak ampun di atas kesalahan/kerana saya tidaklah biasa)

Namun, pengakuan sedemikian mungkin hanya satu pernyataan rendah diri seorang pengarang Melayu lama, sebagai mengakuri tuntutan konvensi zamannya. Kerana setelah membaca hikayat ini, nampaknya beliau bukan sahaja tahu dan biasa mengarang, tetapi juga seorang yang mempunyai bakat sastera yang amat istimewa. Di samping ketrampilannya dalam menggunakan bahasa, menyusun dan menyalin cerita, beliau juga menguasai segala selok belok budaya Aceh – segala rincian adab dan adatnya. Bakat kepengarangannya ini diberi sorotan yang menarik oleh Snouck Hurgronje (1985:84):

Dalam epik (*Hikayat Pocut Muhamat*) kita sangat terkesan oleh objektiviti penyair Aceh, penguasaan materinya ketajaman rasa akan unsur-unsur tragis maupun komik dalam kehidupan masyarakat dan sentuhan ahli yang menghasilkan sketsa, singkat dan akurat, tentang kehidupan Aceh yang asli.

Penilaian yang begitu tinggi oleh seorang sarjana orientalis (yang selalunya cenderung untuk meremehkan karya orang Timur) terhadap bakat pengarang ini tentunya tidak akur dengan pengakuan pengarang di atas. Sesungguhnya pengarang ini adalah seorang yang berbakat besar.

Sumber utamanya mungkin cerita-cerita lisan yang didengarnya daripada beberapa pembawa tradisi yang mengalami atau menyaksikan sendiri peristiwa-peristiwa yang dicitrakan dalam hikayat ini. Mengikuti Drewes (1979), pengarang mendapat ceritanya daripada seorang pencerita yang bernama Leube Beuah; dan besar kemungkinannya Leube Beuah ini menyampaikan cerita ini secara lisan. Kesan kelisanan ke atas karya bertulis ini masih amat ketara – perulangan, penggunaan formula dan frasa kodi dalam pemerian-pemerian babak, peristiwa dan imej, amat banyak sekali.

Berdasarkan sumber lisan tersebut, pengarang ini menyirat sebuah karangan yang amat indah-indah yang di dalamnya terkandung sejarah dan sekaligus juga moral, untuk diperturunkan sebagai peringatan dan panduan keturunannya pada masa akan datang. Inilah tanggungjawab pengarang istana di seluruh Nusantara, menyampaikan cerita masa silam bangsanya bukan sahaja untuk mengingatkannya, tetapi juga untuk dimanfaatkan, dijadikan cermin untuk generasi akan datang memperbetulkan dirinya.

Walaupun unsur cereka dan imaginasi menjadi intipati utama karya ini, namun latar belakang sejarah tetap melatarinya dengan jelas. Komen Snouck Hurgronje (1985:84) tentang bakat istimewa pengarang ini amat menarik untuk kita tatapi:

...dalam karya Teungku Lam Rukam, perasaan manusia selalu mendapat tempat dan sejarah tidak pernah hilang di balik kabut legenda. Tak ada sesuatu yang mendorong pembaca meragukan kebenaran fakta-fakta utama sehingga puisi ini di samping nilai sasteranya yang tinggi, merupakan sumbangan berharga bagi sejarah Aceh...

Hakikat inilah yang menjadikan karya ini dianggap sebagai “permata” dalam khazanah sastra Aceh, malah mungkin sastra Indonesia umumnya. Dalam khazanah sastra Melayu Nusantara, karya ini boleh dianggap sebagai karya yang cukup tinggi nilai estetika, dan dokumen sosio-budayanya. Kalau di Tanah Melayu, orang Melayu menampilkan *Hikayat Hang Tuah* sebagai epik tunggal yang menghidupkan wira budaya dan bangsa Melayu yang unggul dalam sejarah sosio-budaya bangsanya; di Aceh, orang Aceh melestarikan visi kewiraannya melalui *Hikayat Pocut Muhamat*. Dalam epik ini dijemakan seorang putera Aceh yang mendukung aspirasi dan model kewiraan orang Aceh di zaman mereka bergelut dengan pergolakan luaran (pendatang asing – khususnya Eropah) dan dalaman (perpecahan dan perebutan kuasa).

Walaupun peristiwa dan latar (geografi dan budaya) adalah khusus Aceh, tetapi karya ini membawa tema yang besar dan universal. Ia mempersoalkan isu tentang hak dan maruah, kesetiaan dan kecurangan, nafsu dan akal, kearifan dan kekebalan manusia yang menjadi tema dasar dan berterusan dalam sastra dunia.

Demikian itu dalam masyarakat Aceh dan Melayu amnya, karya ini terus dibanggakan, diperpanjangkan kepada generasi seterusnya melalui pelbagai versinya, dihidupkan dan disyairkan ketika acara-acara sosial yang tertentu (Imran Teuku Abdullah 1991) sehingga ke hari ini.

Sama seperti epik Aceh yang lain, *Hikayat Pocut Muhamat* disampaikan dalam bentuk puisi Aceh yang disebut sebagai *sanjak* (Siegall 1979 & Imran Teuku Abdullah 1991). *Sanjak* adalah puisi naratif (seperti syair) dan digunakan untuk menyampaikan karya-karya epik Aceh.

Judul “hikayat” yang secara harafiahnya bermaksud “cerita” digunakan secara longgar untuk memberi bentuk kepada pelbagai genre sastra Melayu – roman, epik malah karya kitab, adab dan sejarah (Braginsky 1998). Dalam kesusasteraan Melayu, hikayat digunakan untuk menyampaikan karangan atau karya bentuk prosa. Namun, tidak seperti keadaannya di dunia Melayu yang lain; di Aceh hikayat juga digunakan untuk menyampaikan puisi. *Hikayat Malim Dagang* dan *Hikayat Pocut Muhamat* adalah contoh.

Sanjak adalah bentuk prosodi Aceh yang amat asli dan unik. *Sanjak* tidak seperti syair, bukan puisi berangkap. Baris-barisnya bersambungan terus menerus dari awal hingga akhir; dengan rima akhir yang sama pada keseluruhan baris-barisnya. Dan biasanya rima akhir itu terdiri daripada bunyi vokal”a” (mungkin ini vokal akhir yang paling banyak dalam perkataan Aceh) kecuali pada baris-baris yang menggunakan bentuk pantun untuk menandakan “cerita baru” atau pengalihan babak. Setiap baris *sanjak* akan terbahagi kepada dua, dengan hentian atau jeda di tengah baris (dalam persembahan puisi terjemahan ini, jeda diberi tanda (/)).

Di samping rima akhir yang seragam, *sanjak* memperlihatkan skema rima dalam baris yang menarik. Rima dalam bahasa Aceh disebut *meupakhok* – yakni “menyusun perkataan supaya berima atau bersajak” atau “berterantuk”. Rima

dalam ini terdapat (berterantuk) pada perkataan ke empat dengan perkataan ke enam.

Setiap baris *sanjak*, biasanya terdiri daripada lapan perkataan dengan setiap perkataan monosilabil biasanya tidak dianggap sebagai satu perkataan; biasanya gandingan dua perkataan monosilabil baru dikira satu perkataan. Contohnya:

Jeh ret tunong waki *Gantoe*/rakyat *meukutoe* ribee laksa

1 2 3 4 5 6 7 8

“jeh” dan “ret” adalah perkataan monosilabil, maka gandingan dua perkataan ini baru boleh dikira sebagai satu perkataan.

Contoh-contoh rima dalaman yang lain adalah:

Salah tateugah beuna *taikot*/teuphat nyang *karot* taboh dakwa

1 2 3 4 5 6 7 8

Wahe aneuk tangke *ate*/tapoh bu *mate* ayah di gata

1 2 3 4 5 6 7 8

Cerita-cerita epik biasanya berligar sebagai kaba/haba (cerita lisan), kerana itu ia dilagukan. Secara khususnya terdapat dua jenis lagu popular yang digunakan untuk mendendang hikayat ini iaini lagu Aceh (*lagee Aceh*) atau lagu Pidie (*lagee Pidie*).

LATARBELAKANG SEJARAH

Hikayat Pocut Muhamat berlatarbelakangkan zaman kemerosotan politik Aceh yang berlaku lebih kurang lima puluh tahun sebelum karya ini ditulis. Aceh telah kehilangan kuasa ekonominya sebagai pusat perdagangan dan kehilangan kuasa politik untuk berdepan dengan pendatang Eropah. Dalam politik Aceh sendiri, berlaku perebutan kuasa dan pelantikan pemerintah yang tidak cukup kuat. Malah peperangan juga berlaku di kalangan *uleebalang* dan *peutua* yang mempunyai kuasa yang agak berautonomi di daerah masing-masing (Snouck Hurgronje 1985).

Secara khusus epik ini mengambil salah satu kedudukan politik yang genting di Aceh, iaini perang saudara antara Raja Muda dengan Jeumaloi Alam. Jeumaloi Alam atau Jamal al-Alam Badr al-Munir, dikenali juga sebagai Poteu Jeumaloi pernah memerintah Aceh pada tahun 1703-1726. Beliau telah disingkir sebagai seorang pembesar dan terpaksa melarikan diri ke Lhok Nga. Sebelum keluar, beliau telah melantik Maharaja Lela, iaitu Sultan Alaedin Ahmat Syah (dikenali juga sebagai Maharaja Lela Melayu, 1727-1735). Selepas kematian Sultan Alaedin Ahmat Syah, Jeumaloi Alam pulang ke Aceh untuk menuntut takhta kerajaan; namun beliau dapati takhta Aceh diberi kepada putera Sulung Sultan Alaedin Ahmat Syah, iaitu Sultan Alaedin Johan Syah atau Raja Muda. Beliau marah dan langsung mengasaskan sebuah kerajaan saingan di Gampong Jawa yang terletak di hilir sungai Aceh.

Jeumaloi Alam menjadi bertambah berkuasa dan jajahan pengaruhnya meluas sehingga ke Pidie. Kedudukannya itu mencabar kuasa politik dan ekonomi Raja Muda. Inilah yang menjadi punca peperangan antara Raja Muda dan Jeumaloi Alam, yang ditampilkan dalam hikayat ini.

HIKAYAT POCUT MUHAMAT SEBAGAI HIKAYAT EPIK

Hikayat ini mengambil tajuknya sempena nama watak utamanya, Pocut Muhamat yang juga adalah wira epik ini. Sebagai wira epik, Pocut Muhamat menguasai hampir sepenuhnya ruang naratif; wataknya ditampilkan dengan cukup baik, ditokok dengan aksi-aksi kewiraan yang signifikan. Yang menariknya adalah antara sifat yang diberi perhatian pengarang adalah rupa parasnya. Dia dikatakan amat rupawan (putih rupawan), dan pemerriannya (sifat yang diberi tumpuan) memiripi raut wajah stereotaip wira hikayat yang sebenar (iaini roman), justeru agak tergelincir daripada kerangka gambaran seorang wira epik yang biasanya lebih mengutamakan aspek keperkasaan. Sifat kedua yang diberi pemerian yang berulang adalah kelunakan suaranya, dan kebijaksanaannya berbahasa. Sifat-sifat inilah yang mempesonakan pengikut-pengikutnya, sehingga mereka sanggup mati untuknya. Abangnya sendiri kagum dan kalah dengan kepetahan lidahnya. Begini pemerian abangnya:

*Daulat Tuanku Mahkota Alam/sudah patik melarangnya
 Begini patik kata, begitu jawabnya/amat pintar dia berhujah
 Bila berbicara nadanya naik dan turun/seperti gelombang di lautan luas
 Bila disoal cepat ditangkisnya/disambut dengan hujah dan erti
 Ulama yang ahli jadi sahabatnya/bicaranya manis seperti madu
 Bijak mempengaruhi orang/untuk menjadi pengikutnya yang setia*

(baris 154-159)

Pocut Muhamat ditampilkan sebagai wira epik yang kekuatannya terutamanya terletak pada “suara”nya dan rupa parasnya. Separuh daripada peperangannya dimenangnya melalui “perkataan” yang diperikan rakyatnya sebagai “manis seperti serikaya”. Dan kelunakan kata-katanya amat menjejaskan struktur jiwa rakyat sehingga:

*Kerana kata-kata yang lemak manis/nyawa diserah tidak dikira
 Mati semut kerana manisan/mati insan kerana kata-kata
 Sebab suara dapat memujuk/dengar bunyinya merasa bahagia*

(baris 806-808)

Demikianlah penampilan watak Pocut Muhamat di awal naratif. Dia bukan sahaja ditampilkan sebagai rupawan dan berbahasa, tetapi juga selalu diumpamakan sebagai “bunga yang sedang kembang harum”, “bunga melati”, “bunga cempaka” – metafora yang agak janggal bagi laki-laki, tambahan untuk wira epik. Selain itu, seperti pengakuannya sendiri, dia masih: “belum pernah

berperang, mengalaminya pun belum”. Dalam konteks dunia kepahlawanan epik, Pocut Muhamat berdiri sebagai wira yang kekok, tidak relevan. Mungkin tidak keterlaluan untuk mengatakan bahawa wataknya lebih sesuai untuk memenuhi peranan sebagai “wira asmara” seperti dalam hikayat-hikayat roman.

Kemudian, dengan secara agak sengaja, pengarang membawa masuk seorang lagi watak yang diberi gambaran cukup hebat, kakas dan perkasa. Beliau ialah Pangulee Peunaroo, atau gelarannya yang digeruni di seluruh Pidie – Bentara Keumangan. Beliau mendapat sorotan yang agak berbeza daripada Pocut Muhamat. Kualiti kewiraannya terletak kepada keperkasaan dan keandalannya menggunakan senjata, pengalamannya yang banyak dalam peperangan. Dia digeruni musuh dan rakyatnya; di depannya seperti kata teks: “lidah mereka jadi tergulung” tak boleh berkata-kata. Beliau adalah wira dan pahlawan epik yang lebih serasi untuk mengisi dunia keperwiraan sebuah epik. Dalam hikayat ini beliau boleh menjadi wira saingan kepada Pocut Muhamat. Namun, jarang sebuah epik menampilkan dua watak wira, walaupun sebagai sekutu. Demikian itu, Bentara Keumangan di sebalik segala keperkasaannya akhirnya dibayangi Pocut Muhamat. Beliau gagal mencapai mertabat sebagai seorang wira kerana beberapa sifat kelemahan diri yang membawa kepada kematiannya yang tragik (mengingatkan kita kepada watak Hang Jebat dalam *Hikayat Hang Tuah*, yang juga mengakhiri kewiraannya secara tragik).

Namun, kehadiran Bentara Keumangan mempunyai dampak yang kuat ke atas plot dan tema naratif dan memberi nada ironi dan tragik kepada dunia keperwiraan epik yang selalunya unggul. Beliau mengakhiri kebaktiannya dalam dunia keperwiraan ini sebagai seorang anti-wira dalam maksud tradisional, iaini wira yang kerana kekurangan sifat-sifat unggul, kecundang dan terhukum secara tragik. Namun ironinya, beliaulah yang bertanggungjawab membawa kemenangan kepada wira; malangnya kebaktiannya tidak diraikan, Beliau cepat dilupakan sebaik dikeluarkan dari medan perang. Kematiannya amat tidak signifikan.

Walaupun ketaranya Pangulee Peunaroo terpinggir dari puncak perlakuan epik, namun watak ini amat penting. Ada tujuan lain beliau dimasukkan, ada subplot lain yang tersembunyi di sebalik plot naratif yang ketara. Kehadirannya telah meningkatkan dimensi tema epik ini daripada sebuah cerita biasa tentang perebutan kuasa kepada sebuah tragedi yang dramatik tentang kemelut hidup istana yang penuh misteri.

Oleh kerana watak ini dianggap lebih menarik diteliti (daripada Pocut Muhamat sendiri), maka bahagian seterusnya ini akan cuba mengesani perkembangan watak ini, menyorotnya melalui peristiwa-peristiwa yang membawa kepada kejatuhannya. Pada masa yang sama meletakkannya dalam ruang alam dan nilai kewiraan yang unggul. Sebelum itu karya ini akan dilihat dahulu sebagai sebuah epik yang memaparkan tentang perebutan kuasa di Aceh pada abad ke-19.

HIKAYAT POCUT MUHAMAT DAN TEMA EPIK YANG BIASA

Kebanyakan peristiwa dan watak dalam epik mempunyai rujukannya dalam sejarah (Noriah Taslim 1994). Sebagai titik rujukannya, *Hikayat Pocut Muhamat* mengambil peristiwa perang saudara di Aceh di zaman Sultan Alauddin Johan Syah (Sultan Alaedin Johan Syah, 1735-1760), atau di dalam teks dikenali juga sebagai Raja Muda Aceh. Beliau adalah anakanda sulung kepada Sultan Alaedin Ahmat Syah, Raja Aceh dari tahun 1727-1735. Peperangan tersebut adalah antara Raja Muda ini dengan Jeumaloi Alam (Jamal-al-Alam Badr al-Munir) pesaing kepada takhta Aceh, yang pada masa itu menguasai Gampong Jawa yang terletak di hilir Sungai Aceh. Peristiwa sejarah inilah yang diperluaskan dan diperincikan kehebatannya sehingga mencapai skala epik.

Peperangan memang menjadi recah utama karya epik. Di sini epik ini mengambil sebagai tema pusatnya, peperangan yang dipimpin Pocut Muhamat, adinda bongsu Raja Muda untuk menyekat kuasa Jeumaloi Alam, hatta menghapuskannya sebagai pesaing Raja Muda (juga untuk membatas kuasa ekonominya). Sebagai adatnya dalam tradisi epik, peperangan tersebut diperlembih-lebihkan untuk memperlihatkan babak-babak perang, aksi-aksi pertarungan dan kependekaran yang dahsyat dan menakjubkan. Unsur-unsur luar biasa turut menjadi bahan epik yang menokok kepada kehebatan latar epik. Di sini dipamerkan kekebalan pendekar Aceh dan Pidie; firasat, mimpi yang meramalkan mala petaka; sumpahan dan tumpah; fenomena alam yang tidak dapat diperjelaskan dan kematian penuh misteri yang semuanya memberi dimensi luar biasa kepada epik sekular.

Sebagai sebuah epik, hikayat ini bermula pada tahap *medias res*. Naratifnya dibuka dengan pendedahan tentang perselisihan politik di Aceh: “sebuah negeri dua raja” yang puncanya dipersalahkan kepada Jeumaloi Alam (teks menyebutnya sebagai: “Raja terbuang di Lhok Nga”). Akibatnya Raja Muda kehakisan kuasa politik dan ekonomi kerana hasil cukai kuala dipungut Jeumaloi Alam. Di tengah kemelut politik dan ekonomi ini ditampilkan Pocut Muhamat, adinda bongsu Raja Muda yang tidak sanggup melihat maruah dan kuasa Raja Muda diperkecilkan; dan diperlihatkan juga kekesalannya kerana sikap Raja Muda yang pasif dan acuh-tak acuh terhadap apa yang berlaku di Aceh.

Kelemahan Raja Muda inilah yang mendorong Pocut Muhamat bertindak menebus maruah Raja Muda, walaupun tindakannya ditentang Raja Muda yang enggan memerangi Jeumaloi Alam kerana Jeumaloi Alam adalah berketurunan sayyid, hatta juga keramat, jadi takut ditimpa tulahnya. Dari situ plot bergerak untuk mengikuti perjalanan Pocut Muhamat mengumpul penyokong dari seluruh Aceh bagi tujuan memerangi Gampong Jawa. Termasuk dalam agenda perangnya adalah usahanya untuk memenangi sokongan Pendekar Pidie yang terkenal iaitu Bentara Keumangan (Pangulee Peunaroe), yang merupakan penyokong kuat Jeumaloi Alam.

Perjalanan plot seterusnya membawa kita kepada beberapa adegan yang amat menarik dan mendebarkan. Kita menyaksikan pergerakan babak-babak runcing yang dapat disusun seperti di bawah:

1. Bermula dengan keengganan Bentara Keumangan untuk menyokong Pocut Muhamat
2. Taktik bijaksana Pocut untuk mengalih kesetiaan Bentara
3. Perubahan pada diri Bentara akibat pujukan dan rasuah Pocut Muhamat
4. Peralihan kesetiaannya daripada Jeumaloi Alam (bapa angkatnya) kepada Pocut Muhamat
5. Perbalahan sengit dan menyayat Bentara dengan ibu tirinya kerana tindakannya mengalih kesetiaannya, hatta mendurhakai Jeumaloi Alam.
6. Perjalanan perang Bentara dengan seluruh rakyat Pidie untuk menyertai tentera perang Pocut Muhamat
7. Peperangan dahsyat dan berlarutan antara tentera Bentara dengan Jeumaloi Alam
8. Pertembungan menyayat antara Bentara dengan Jeumaloi Alam, bapa angkatnya
9. Kematian Bentara yang penuh misteri kemenangan Pocut Muhamat

Kejayaan Pocut Muhamat menarik kesetiaan Bentara Keumangan sudah dianggap sebagai kemenangannya mengatasi Jeumaloi Alam. Maka babak-babak seterusnya membawa kita kepada bahagian akhir cerita yang selalunya adalah menyebelahi wira. Naratif seterusnya melukis secara grafik peperangan sengit Pocut Muhamat untuk menewaskan Gampong Jawa dan kemenangannya. Sebelum itu naratif mengalih landasan plot untuk memasukkan babak melodramatik pertemuan pahit dan menyayat antara Bentara dengan bapa angkatnya, Jeumaloi Alam, disusuli adegan kematian Bentara Keumangan yang mengejut dan penuh misteri. Demikian watak ini sengaja dimatikan untuk memberi laluan kepada Pocut Muhamat membuktikan kewiraannya, dan akhirnya tampil sebagai wira epik yang diraikan.

Perebutan kuasa adalah tema biasa dalam cerita tentang peperangan. Biasanya dalam kompleks tema ini kita akan menemui subtema yang jalin-menjalin untuk memantapkan konsep kewiraan dan nilai kewiraan dalam dunia kepahlawanan. Dalam hikayat ini subtema dapat dikesan melalui motivasi, aksi dan peribadi watak-wataknya. Maruah contohnya adalah subtema yang menonjol dalam epik ini. Mempertahan dan melindungi “nama” (keluarga, peribadi) menjadi alasan utama peperangan. Pocut Muhamat didesak ke medan perang kerana tidak sanggup melihat maruah Raja Muda dicemar. Hakikat ini diluahkan berkali-kali dalam kempen perangnya:

*Haram tubuh adinda untuk tinggal di Aceh ini/lebih baik mati di mana kaki melangkah
Tidak pernah terjadi kepada orang/tetapi terjadi kepada kita, satu negeri dua raja
Satu perahu dua nakhoda/akhirnya karam habis binasa*

*Begitulah aibnya dunia ini/kita bertiga biarlah fana
Pocut, marilah kita mula berperang sekarang/tidakkah kasihan kepada Raja Muda?
Kita bertigalah terima kejadian ini sebagai memalukan/lantiklah adinda sebagai
panglima*

(baris 55-63)

Dalam tema peperangan, subtema seperti kesetiaan, kecurangan, dan pendurhakaan adalah juga amat biasa. Dalam *Hikayat Pocut Muhamat* subtema tersebut juga amat mendasar. Naratif membicarakan kesetiaan Bentara kepada Pocut Muhamat, sumpahannya untuk menjadi sekutu Pocut yang setia dan kematiannya dalam memenuhi sumpahan tersebut; naratif juga membicarakan subtema tentang kecurangan, ketidaksetiaan, dan kealpaan budi juga berkisar pada watak Bentara. Oleh kerana harus bersetia kepada Pocut, beliau terpaksa mendurhakai bapa angkatnya, melupakan segala budi orang tua ini kepadanya. Ini adalah pilihan moral yang perlu dilakukannya. Malah persoalan moral menjadi intipati dalam semua pergelutan watak ini dalam memberi makna kepada perjuangannya.

Masih terdapat beberapa subtema yang lain dalam hikayat ini, subtema yang agak stereotaip dan lumrah yang sering tampil dalam epik. Mungkin tidak dapat dibicarakan sepenuhnya kerana keperluan untuk memberi tumpuan kepada aspek lain dalam hikayat ini.

Biasa juga dalam kebanyakan epik adalah babak-babak perang, dalam hikayat ini perang menguasai satu bongkah naratif yang besar. Disenaraikan adegan peperangan:

1. Perang Aceh dan Pidie melawan Aneuk Rawa: 50 baris (2%)
2. Perang Pocut Muhamat dan Bentara melawan Jeumaloi Alam: 800 baris (29%)

Seperti dalam karya epik yang lain, dalam hikayat ini babak perang juga mendapat sorotan yang grafik dan rinci; sering stereotaip dan berlebih-lebihan untuk mengutarakan keberanian, keperkasaan, kehandalan dan kelicikan dalam pertarungan. Dalam epik, kewiraan harus dibuktikan melalui ketrampilan berperang. Oleh kerana kewiraan adalah sifat yang dikaitkan dengan wira, maka peperangan amat penting dalam epik dan sering mengambil bongkah naratif yang amat besar. Dipetik satu adegan perang sebagai contoh:

*Kemudian terjadilah perang tiada tandingannya/habis bergoncang seluruh dunia
Sana dibedil, sinipun bedil/banyak mati di Aneuk Rawa
Sebab keramat Jeumaloi Alam/tiada siapa yang dapat melawannya di dunia
Selesai sebaris senapang ditembak/mereka digempur mengasak dada
Ditetak dengan pedang, ditikam dengan tombak/terlihat mereka mengayak perisai
tembaga
Aceh dan Pidie rela mati/mara terus tiada gentar
Dari pendalaman, Tok Pang Sarong dan Pang Peureuba/naik berang
Di dalam dentuman bunyi meriam/dicabut pancang pagar kota*

Masa itu perang sabung-menyabung/seperti ayam laga berbulu merah melawan ayam laga berbulu hitam

Di sini menyerang, di sana menunggu/Aceh dengan Pidie amat bersemangat

Orang dalam kota pun ketakutan/Datuk Janggut menyumpah-nyumpah

“Jangan takut jangan malu!/Pidie anjing, Aceh celaka!”

Maka perang pun bergegarlah/dan Aneuk Rawa pun kalah

...

Pada masa itu kami melihat mereka bertempur/melagakan geudubang dengan Aneuk Rawa

Kemudian Raja Bulee ditawan/setelah ditipu oleh Bentara

Dibuang dalam laut pun tak mati/ilmu ghaib dan sihir di dalam dada

Dibakar dalam api pun tak hangus/kuasa Allah menjadikan ia tidak binasa

Ditetak ditikam tidak lut/cukup utuh ilmu ghaib dunia

...

(baris 966-995)

Peperangan, yang dalam epik ini berligar di sekitar warga istana atau *dalam*, membawa juga babak istana yang lain – babak berjalan atau berangkat; babak mengadap, dan babak berpakaian dan berhias. Pemerian babak ini juga bersifat rinci dan berumus, mengingatkan kita kepada babak yang sama dalam hikayat roman. Dalam hikayat roman babak tersebut membentuk apa yang disebut sebagai perisian hiasan (*ornamental content*) atau hiasan keupacaraan dalam hikayat (Braginsky 1998). Aspek hiasan yang sedemikian, berfungsi untuk menimbulkan kesan keindahan dalam hikayat dan amat penting untuk tujuan meleraikan emosi (*catharsis*) khalayak dengan cara merangsang pelbagai emosi dalam jiwanya (Braginsky 1998). Hikayat epik ini wujud dalam konvensi sedemikian (Noriah Taslim 1994) dan amat terpengaruh olehnya. Justeru pelbagai babak tipa dalam hikayat ini juga memenuhi fungsi yang sama. Dalam hikayat epik ini, babak ini memenuhi keperluan struktur penciptaan hiasan dan bertindak secara emosional untuk menghibur, melalai, hatta melegakan jiwa khalayak atau mengimbangkan jiwa yang tidak berimbang.

Di samping orientasi hiasan tersebut, pengarang juga melonggarkan ketegangan babak-babak perang melalui cerita-cerita anekdota yang lucu – kita diberitahu tentang episod lucu pedagang Keling yang dirompak kedainya; cerita tentang pemuda yang baru berkahwin dan enggan keluar berperang; cerita tentang perangai orang ramai yang berebut-rebut makanan dan lain-lain; cerita tentang orang gemuk yang dikatakan di lipatan perutnya boleh disembunyi seekor kuda. Anekdota yang sedemikian bertindak sebagai kelegaan komik (*comic relief*) seperti dalam cerita-cerita lakon dan wayang dan anekdota sedemikian juga menjadi alat naratif bagi pengarang epik dan juga annal.

Demikian itu hikayat ini memenuhi fungsinya sebagai epik yang membawa cerita yang biasa, dengan teknik penyampaian naratif yang tipikal mengikut konvensi zamannya. Di samping membawa sejarah, ia juga membawa pelbagai makna tentang konsep kewiraan; berfungsi sebagai karya didektik, sekaligus juga hiburan.

HIKAYAT POCUT MUHAMAT SEBAGAI SEBUAH SAGA
DRAMATIK

Cerita tentang peperangan, perebutan takhta dan perang saudara, kemenangan dan kekalahan, kebahagiaan dan tragedi adalah tema biasa dalam epik. Pengembangannya melalui subtema dan babak tipikal memenuhi keperluan struktur komposisi hiasan hikayat yang stereotaip. Pengarang hikayat ini memang menyampaikan sebuah cerita biasa melalui kaedah penyampaian hikayat yang tipikal. Namun, menerima kenyataan ini bermakna kita memperendahkan bakat kreatif pengarangnya. Memang betul seperti yang diakuinya di akhir cerita dia memang menyampaikan cerita tentang Pocut Muhamat. Tetapi, dia juga melakukan lebih daripada itu. Tanpa memecahkan keutuhan plot, dia juga menjalin sebuah subplot, subcerita dan subwira yang dengan demikian menokok kepada kedalaman dan kompleksiti naratif ini. Dia juga membina babak – tragik, melodramatik dan memeras perasaan yang bukan hanya memenuhi keperluan komposisi hiasan. Cuba kita telitiknya seterusnya.

Seperti yang disebut di awal tadi, hampir di pertengahan plot epik, naratif melencong tumpuannya daripada wira utama untuk membawa masuk seorang lagi watak yang cukup spektakular yang akan menguasai ruang naratif seterusnya. Beliau ialah Bentara Keumangan. Watak ini diperikan pengikutnya seperti berikut:

*Negeri Pidie bersagi empat/Pangulee Penaroe yang paling gagah
Hanya daulat Pocut, yang dia tiada/mertabatnya besara setara raja
Sembilan mukim dalam genggam/Pangulee Peunaroe amat angkuh
Anak angkat Jeumaloi Alam/tiada terlawan gagah perkasa*

...

*Dari Pidie sampai ke Timur/amat masyhur tuan Bentara
Terkenal di Timur hingga ke Pasi Puteh/ke Barat sampai ke Drien Tako Raja*
(baris 810-854)

*Dialah pegawai tinggi yang amat megah/orang kanan Tuanku Raja
Di negeri Pidie tiada lawannya/tiada yang sepadan dengan Bentara*

...

*Tiada seorang yang lebih terbilang/Bentara Keumangan tingginya tiada tara
Pandai berbicara, mulutnya petah/lantang dalam bersuara
Semua hilang suara (berdepan dengannya)/hairan terpegun kepada Bentara
Lidah tergulung, tiada bicara/rasa gementar, amat ketakutan
Banyak orang telah diperangnya/kecekapan bersenjata luarbiasa dan menakjubkan*

...

Semua rakyat amat takut/hati kecut di dalam dada
(baris 1875-1889)

Berdasarkan pemerian di atas, banyak yang dapat dikatakan tentang watak ini. Namun, untuk benar-benar menghayati watak ini kita perlu meletakkannya

bersebelahan Pocut Muhamat. Pocut Muhamat pula diperikan pengarangnya sebagai berikut:

*Dengarlah saya ceritakan/tentang Pocut Muhamat anak muda yang belum cukup dewasa
Kerana amat bijak dan handal/dia dapat mengalahkan Gampong Jawa
Sungguh pandai mengambil hati pengikutnya/memang bijak putera muda ini
Rugi dan payah bukan halangan/itulah tanda orang yang bahagia
Rupanya tampan tiada tandingan/badannya besar sedang sederhana
Bulu keningnya lebat/bulu matanya melentik
Kening bagai sehari bulan/tampan sungguh si anak raja
Rupa hebat tiada tandingan/tiada bandingan dan tiada persamaan
...
Umur baru duapuluh tahun/cukup budiman akal bicara
Bila berbicara suaranya merdu/seperti bunyi merbuk berkukuk
Apa yang dikatakan tidak pernah salah/perkataannya disusun dengan teratur
Memiliki rupa yang tampan, tutur bicara yang petah/demikianlah seseorang anak raja
yang sebenar*

(Baris 405-423)

Berbeza daripada Bentara, pemerian Pocut Muhamat yang diberi pengarang ini sendiri hampir sepenuhnya tidak bertumpu kepada kualiti teras seorang wira epik yang konvensional, tetapi lebih mirip kepada cirri wira roman yang tipikal. Dengan perkembangan cerita seterusnya, kontras antara dua watak ini lebih ketara. Pocut Muhamat bukan sahaja lebih muda (baru dua puluh tahun), tetapi juga belum ada pengalaman berperang (melihatnya pun belum). Sebaliknya Bentara (Pangulee Peunaroo) adalah seorang pahlawan yang cukup matang dalam perang, seorang pendekar yang handal tanpa tara, saksikan satu episod pertarungannya:

*Pangulee Peunaroo amatlah kuat/dapat melompat pagar kota
Sewaktu tiba di dalam/lalu bertarung dengan mereka yang setara
Kemudian bertembung dengan Imeum Silang/panglima perang dari Gampong Jawa
Kemudian berjumpa dengan Imeum Lamboro/geudubang di sekelilingnya
Kemudian berjumpa dengan Po Kalam/pisau dan geudubangnya daripada besi waja
...
Semua panglima sudah terurai rambutnya/geudubang diacu di depan Bentara
Dipegangnya perisai daripada kulit pari/dihiasi besi bercorak bunga lawang menetak
dan menikam penuh semangat/sumbing pedang luluh matanya
Kemudian dibalas Pangulee Peunaroo/pedang di tangan gajah menta
Sekali menyerang dengan pedang di tangan/enam, tujuh orang mati pahana jika belum
terkena (pedang) menjadi lemah/ada yang hancur menjadi garam
Bangun di situ tersungkur-sungkur/ada yang patah pinggang, ada yang patah paha
Yang tak terkena pun tulangnya patah/maka gentarlah semua peutua*

(baris 2401-2420)

Bentara telah banyak kali menewaskan lawan, pernah mengalami kecederaan teruk dan sembuh daripadanya. Ketokohnya menggerunkan kawan dan musuh, malah Pocut Muhamat sendiri cega berdepan dengannya.

Sesungguhnya, berbanding dengan Pocut Muhamat, Bentara adalah pahlawan yang cukup perkasa. Pemerian ringkas tentang wataknya oleh pengikutnya sudah cukup untuk melayakkan dirinya sebagai wira, jauh lebih hebat daripada Pocut Muhamat. Pocut Muhamat, walaupun juga seorang yang berani, kebal (peluru tergelincir di atas belakangnya) dan mempunyai kualiti kepimpinan yang mantap, tetapi belum teruji dalam perang, justeru beliau belum pernah disanjung sebagai pendekar. Kebanyakan kali, beliau disanjung kerana keelokan rupa parasnya, suaranya dan kebijaksanaannya bermain dengan kata-kata. Dalam tradisi epik, kualiti tersebut walaupun diterima, tetapi dianggap remeh. Namun nampaknya, takdir tidak menyalahi Bentara.

Dalam teks takdir memang tampil sebagai motif yang penting dalam pengacuan untung nasib manusia. Takdir dan nasib Pocut Muhamat sudah didedahkan padanya melalui mimpinya di awal naratif. Mimpi tersebut dibaca firasatnya dalam pustaka dan ia meramalkan masa depannya yang gemilang. Bentara juga diberi satu petanda, tetapi petanda itu meramalkan kejatuhannya. Sebagai umat Islam yang baik, kedua-dua mereka yakin kepada takdir sebagai penentuan segala kejadian dalam hidup manusia. Kedua-duanya berpegang kepada pepatah:

Yang bertuah adalah tumit, bukan lutut/ yang setakat pusat, tak akan sampai ke dada

...

Jika di dalam perigi tak mungkin di dalam sungai/jika dimulut harimau tak mungkin di mulut buaya

Jika sah malam tak mungkin pagi/jika sah esok tak mungkin lusa

(Baris 1815-1819)

Konsep takdir dan nasib manusia ini ditafsir dengan jelas oleh pengarang. Benar, kata pengarang, nasib manusia berada di dalam genggam Allah, tetapi manusialah – pilihannya dan tindakannya, salah atau betul, baik atau jahat – yang melaksanakan takdir tersebut. Hakikat ini diperkukuhkan melalui tanduk kedua-dua watak ini. Mesej pengarang adalah agak jelas – kekurangan ilmu, ketidakupayaan manusia mengawal nafsu, kealpaan dan keangkuhan adalah punca kepada kekeliruan manusia dalam membuat pilihan sehingga akhirnya mengambil tindakan yang salah.

Hakikat inilah yang terus-menerus membezakan Pocut Muhamat daripada Bentara Keumangan. Pocut Muhamat adalah seorang yang bijaksana dan berpengetahuan, dia mendampingi ilmuan dan orang tua-tua yang arif untuk mendapat nasihat dan pandangan; malah dia sentiasa berunding dengan abang-abangnya dan rakyatnya sebelum bertindak. Dia juga diruntun emosi, tetapi tidak pernah mengalah kepada emosinya, dia merendah diri, namun juga amat keras kepala apabila diketahuinya dia benar. Dia pandai mematutkan perkataan dan tindakan untuk matlamatnya yang tertentu. Dia merancang dan menstruktur setiap langkahnya. Oleh itu, pilihannya dan tindakannya tidak pernah tersusul atau salah. Seperti yang diramalkan dalam mimpinya, jalan di depannya terbuka lurus dan lapang untuk dilaluinya.

Sebaliknya Bentara kekurangan semua sifat ini. Dia memang seorang pendekar yang gagah dan masyhur, tetapi sebagai manusia dia lemah, tidak kuat pendirian, angkuh tetapi jahil (ibu tirinya sendiri menyebut tentang kejahilannya) dan tidak bijaksana (tidak dapat menafsir surat Pocut Muhamat, tidak dapat membaca niat Pocut untuk mempergunakannya). Kekurangan inilah yang menyebabkan beliau mengambil pilihan yang salah dalam hidupnya, langsung memerangkapnya dalam satu kitaran takdir yang zalim, yang tidak dapat dikawalinya hingga akhirnya memusnahkan dirinya. Episod-episod di bawah merongkai peristiwa yang mendedahkan kelemahannya yang tragis sehingga membawa kepada kejatuhannya yang menyedihkan.

Pertama kali pertemuannya dengan Pocut Muhamat, Bentara tampil sebagai seorang yang angkuh, berpendirian tegas dan keras perwatakannya. Dialah satu-satunya pendekar yang enggan hadir semasa dipanggil oleh Pocut Muhamat, dan bersedia pula untuk menerima kemungkinan diserang Pocut Muhamat kerana itu. Namun, hanya selang beberapa baris kemudian, kita dikejutkan dengan perubahan yang agak mendadak pada diri Bentara – daripada seorang penyokong Jeumaloi Alam yang amat setia kepada seorang yang sanggup mati untuk Pocut Muhamat seperti katanya:

Jika hamba telah jatuh kasih/sum-sum tulang, sanggup dibahagi dua

(baris 1481)

Dan sanggup pula bersumpah (sumpah pahlawan dengan mengulum peluru) untuk menunjukkan kebenaran kata-katanya:

Jika hati masih sangsi, Pocut/ambil peluru untuk bersumpah setia

(baris 1483)

Dalam jangka masa yang amat singkat Bentara berubah dari seorang pahlawan yang keras hati kepada seorang yang diremuk oleh perasaan. Dan, dalam perasaannya yang berkecamuk itu, dia telah membenarkan emosi bukan taakulan (*reason*) untuk memandu pilihan dan tindakannya.

Kekuatan dirinya dengan mudah dipatahkan anugerah yang bertimbun yang diberi Pocut. Godaan harta telah menyebabkan Bentara hilang pendirian hatta mengubah kesetiaannya dengan cepat sekali. Pocut Muhamat dapat mengesan kegoyahan pendirian Bentara. Kekerasan hati Bentara dilembutkan dengan kata-kata pujian yang meluncur manis seperti serikaya. Pengarang menyebutnya begini:

Lembutlah hati Pangulee Penaroe/pandai sungguh memujuk, si anak Raja

...

Suaranya pula lemak dan merdu/nyawa terkorban tiada dikira

(baris 1495-1501)

Kesan suara dan kata-kata Pocut Muhamat meleraikan keras hati Bentara dan emosi itu dilahirkan melalui airmatanya yang bercucuran:

*Pangulee Peunaroo mendengar kata-kata/maka bercucuranlah airmatanya bagai hujan
Air matanya mengalir deras/seperti hujan turun berlumba-lumba
Seperti tebing runtuh ke sungai/begitulah rasanya hati di dalam dada*

(baris 1475-1478)

Bentara juga turut dipesonakan rupa paras Pocut Muhamat. Hatinya yang keras menjadi cair, dan kasih sayangnya terhadap Pocut mengalir melimpah bersama air matanya. Bagi manusia tradisional, keindahan memanglah merbahaya kepada jiwa; keindahan boleh menarik rasa berahi sehingga menyebabkan seseorang itu menjadi asyik dan lupa diri, (istilahnya adalah merca) kecuali orang itu berakal dan beriman (Braginsky 1998). Pada saat itu kedua-duanya tidak hadir pada diri Bentara.

Terpesona dengan magik suara Pocut Muhamat dan keindahan rupa parasnya, Bentara menjadi alpa. Dalam keadaan demikian Bentara menjadi keliru, tersemu dan gagal mengesan niat sebenar Pocut Muhamat. Tersemu dengan apa yang dilihat, didengar dan diberi, Bentara menjadi tidak rasional. Berdasarkan gesaan spontan, Bentara memberi kesetiaannya kepada Pocut dan mengukuhkannya melalui satu sumpah pahlawan, iaini dengan mengulum peluru. Dengan itu dia mengikat kesetiaannya kepada Pocut Muhamat justeru tidak boleh berpatah balik lagi (teks berkata: “tidak boleh lagi diubah esok atau lusa”). Dia kini perlu memerangi Jeumaloi Alam, bapa angkatnya dan nampaknya dia tidak teragak-agak untuk melakukannya.

Babak yang seterusnya adalah yang menguji ketahanan pendiriannya ini. Pertamanya, dia perlu bersemuka dengan ibu tirinya, seorang wanita yang diberi gambaran begitu baik oleh pengarang.

*Cukup setia dan pengasih/lagi amat arif bijaksana
Wanita itu tiada tandingannya/dengan tebusan intan mutiara*

(baris 1731-1732)

Sesuai dengan sifatnya yang mulia, wanita ini menentang keras tindakan Bentara untuk berpaling tadah terhadap bapa angkatnya dan mengkritik dengan tajam akan kelemahannya. Dengan sinis, dia menyindir sikap Bentara yang mudah tergoda dengan anugerah Pocut Muhamat:

*Wahai anakanda yang bertuah/bernilai sekali emas rupanya untuk anakanda
Untuk apa anakanda emas dan perak/jika hati rosak di dada
Apa gunanya kain dan baju/kalau sah akan layu, wahai Bentara*

...

*Apa gunanya pisau digenggam/hilang nyawa harta tak berguna
Apa gunanya emas dua kati/anakanda sudah berharta, wahai Bentara
Apa gunanya pakaian indah/ayahandamu sendiri banyak harta
Apa gunanya tengkolok lembayung/jika belum tahu untung nasibnya wahai anakanda
Jangan, wahai anakanda, menyerang/melupakan jasa yang lalu*

(baris 1795-1805)

Wanita ini bertubi-tubi mengingatkan Bentara akan segala budi dan jasa Jeumaloi Alam terhadapnya, dirayunya supaya Bentara kembali ke pangkal jalan, dingatkan akan balasan kerana:

Jasa yang baik dibalas jahat/akan dihentong Allah Taala

(baris 1785)

Namun, segala rayuan dan nasihat ibu tirinya yang arif meluncur seperti air yang dicurah ke atas daun keladi, langsung tidak meninggalkan bekas. Air mata ibu tirinya langsung tidak melembutkan hatinya. Semasa itu dia sebenarnya diberi peluang untuk memperbaiki kesilapannya, berpatah balik tetapi Bentara memilih untuk tidak menghiraukan kata-kata nasihat wanita itu. Kita dengar kedegilannya:

Jangan didengar kata perempuan/tercemar kita yang ada nama.

(baris 1898)

Sebaliknya Bentara menyerah dirinya kepada takdir:

*Yang bertuah adalah tumit, bukan lutut/yang setakat pusat, tak akan sampai ke dada
Jika Jeumaloi Alam ada tuahnya/siapa yang laki-laki menjadi raja
Jika di dalam perigi tak mungkin di dalam sungai/jika dimulut harimau tak mungkin di
mulut buaya
Jika sah malam tak mungkin pagi/jika sah esok tak mungkin lusa*

(baris 1815-1819)

Kesal dengan kedegilan dan keangkuhan Bentara, ibu tirinya meramal kekalahannya:

*Anakanda pergi berjalan, anakanda pulang di atas belakang/mungkin di dalam keranda,
wahai Bentara*

(baris 1867)

Ramalan itu nampaknya menjadi satu sumpahan ke atas Bentara; kerana sebaik dia melangkah keluar, satu kejadian ganjil berlaku:

*Angin tiada hujan pun tiada/pohon kelapa di halaman jatuh tumbang
Pohon kelapa tumbang melintang/patah perabung rumah Bentara
Patah juga kayu alang/berkecai gegasing berukiran bunga*

(baris 1910-1913)

Peristiwa tersebut dianggap sebagai satu firasat atau petanda, kerana kata pengarangnya:

Begitulah alamat diberikan Tuhan/Namun tidak dihiraukan Bentara

(baris 1914)

Bentara mungkin memahami firasat tersebut, tetapi keangkuhannya menyebabkannya memilih untuk tidak menghiraukan amaran itu. Atau mungkinkah juga hakikat ketidakupayaannya untuk mengawal keadaan yang

memerangkapinya, menjadikan Bentara sudah tidak peduli dan menyerah sepenuhnya kepada takdir. Apa pun, Bentara kini terheret untuk melalui jalan yang telah dipilihnya.

Babak akhir menyaksikan puncak kepada sifat kebebalaan Bentara dan balasan kepada keangkuhannya, terutama sikap angkuhnya terhadap nasihat ibu tirinya dan firasat yang dinampakkan kepadanya. Di pertengahan peperangannya dengan Gampong Jawa, Bentara telah bertembung dengan Jeumaloi Alam, bapa angkatnya yang telah dicurangnya. Dalam episod ini sekali lagi Bentara disindir kerana tidak mengenang budi dan dicerca sebagai “anak yang membalas kebaikan dengan kejahatan”. Kata Jeumaloi Alam:

*Wahai anakandaku/hendak bunuh kamikah Bentara?
Kutanam bunga tumbuh ganong/masa menyemai baik sempurna
Tanahnya suci amat sangat/di situ tempat aku menanam
Masa kusemai kayu jati/seumur negeri, tak kan binasa
Tak kusangka anakanda pohon betik/baru dinaiki musang sudah tumbang
Semasa kutabur benih pulut dan jati/tidak sebegini tumbuhnya pohon nala
Pagar teguh padi pun subur/ amat baik dipelihara
Tidak pernah pagar makan padi/tidak pernah hati menjolok dada
Tidak pernah kaki menyepak betis/tidak pernah jari mencucuk mata
Tidak pernah jari memotong lidah/anak buah menikam ayahnya
...
Wahai anakanda Pangulee Peunaroo/amat berubah tingkahmu anakanda
Tidaklah kau ingat jasa dahulu/kenapa sekarang anakanda membalik nuga
Dahulu di sini, sekarang di sana/anakanda lebih kasih kepada Raja Muda*
(Baris 2475-2499)

Dengan panjang lebar Jeumaloi Alam terus mengutuk Bentara, akhirnya beliau berdoa dan berlakulah satu kejadian yang amat ganjil:

*Kemudian diambil bedil senapang/pada cabang pohon gelumpang ditalanya
Tuanku pun tembak cabang gelumpang/terkena bayangnya ke atas Bentara
Lalu jatuh tersungkur/kemudian diusung tuan Bentara
Naik bisanya hitam legam/seluruh badan tuan Bentara
Ada yang mengatakan penyakit pitam/ada yang mengatakan kena sumpahan.*
(baris 2534-2539)

Episod ini mengakhiri perjalanan tragik wira malang ini. Ramalan ibu tirinya yang dia akan pulang di atas belakang benar terjadi. Sebagai wira yang malang, tercelaru dan tersema, dia dikutuk ibu tirinya dan bapa angkatnya dan takdirnya. Matinya pun bukan mati sebagai seorang pahlawan seperti yang dicita-citakannya: “anak laki-laki patut mati dalam perang” demikian dikatakan kepada ibu tirinya. Malah, dia tidakpun sempat melihat kemenangan peperangannya. Sebagai pendosa yang malah mengingkari amaran Tuhan, Bentara menerima kemurkaan Allah, dia tidak dapat lari dari balasan Ilahi. Keperkasannya dan kependekarannya yang mengangkuhkannya, tidak dapat melindunginya dari hukuman ini.

Dengan kematiannya, teks menyampaikan mesej moralnya yang tajam. Kematian Bentara membuktikan kelemahan manusia dan kecacatan peribadinya bertanggungjawab membawa kejatuhannya. Kelemahan inilah yang gagal menyempurnakan sifat Bentara sebagai wira, berbanding dengan Pocut Muhamat. Tragedi kematian Bentara, episod yang membawa kepada tragedi tersebut, memberi nada dramatik kepada epik ini, menjadikannya lebih daripada sebuah cerita yang biasa. Dalam teks nada dramatik ini diperhebatkan babak melodramatik yang panjang lebar – contohnya babak di istana iaini babak pertengkaran Bentara dengan ibu tirinya dan babak *finale* iaitu babak Bentara bersemuka dengan bapa angkatnya. Kedua-dua babak adalah babak yang amat memeras emosi; melodramatik kerana perlakuan, dialog dan pernyataan emosi yang berlebihan. Pemerriannya amat hipokrit dan metafora (lihat contoh babak *finale* di atas). Babaknya amat beremosi, membaurkan pelbagai emosi: marah, kesal, sedih dan semuanya bercantum untuk mencetuskan suasana yang dramatik. Salah satu babak yang boleh dipetik ialah babak Pangulee Peunaroë meninggalkan istana. Dipetik sebahagiannya:

*Lalu Pangulee Peunaroë berdiri/ibu tirinya menangis menumbuk dada
Semua hamba meratap dan menghempas diri/teruna dara menangis meraung
Rakyat di kampung memukul-mukul diri/orang melihat bercucuran airmata
Seperti monyet turun dari rumah/rakyat bersedih tua muda
Pangulee Peunaroë melangkah turun/hamba rakyat menampar-nampar dada*
(baris 1903-1907)

Hikayat Pocut Muhamat memang merupakan sebutir “permata” dalam khazanah kesusasteraan Aceh. Pujian patut diberi kepada pengarangnya yang melalui bakat kreatifnya yang besar telah berjaya menjalin sebuah naratif yang hebat, melalui bahasa yang amat indah sekali. Analisis di atas membuktikan betapa dalamnya mesej moral yang disirat pengarang dan betapa bergandanya makna bahasa. Teks begini membuka kepada pelbagai bacaan dan pelbagai tafsiran. Kita memang tercabar oleh kompleksiti plot dan temanya. Dan kita juga telah cuba memaknakannya.

RUJUKAN

- Bausani, A. 1962. Notes on the Structure of Malay Classical Hikayat. *Annali dell Istituto Universitario Orientale de Napoli* 12 (Nouva Serie): 153-192.
- Braginsky, V.I. 1998. *Yang Indah, Berfaedah dan Kamal: Sejarah Sastera Melayu dalam Abad 7-19*. Jakarta: INIS.
- _____. 1993. *The System of Classical Malay Literature*. Leiden: KITLV Press.
- Drewes, G.W.J. 1979. *Hikayat Potjut Muhamat: An Achenese Epic*. The Hague: Martinus Nijhoff.
- _____. 1980. *Two Achehnese Poems*. Leiden: KITLV
- Snouck Hurgronje. 1985. *Aceh di Mata Kolonialis* (terj.) Jilid I dan II. Jakarta: Yayasan Soko Guru.

- Imran Teuku Abdullah 1991. *Hikayat Meukuta Alam*. Jakarta: Seri Ildep
- Ismail Suny (ed.) 1980. *Bunga Rampai tentang Aceh*. Jakarta: Bhratara Karya Aksara.
- Noriah Taslim. 1994. Genre epik: Di antara kesukuan dan kesejagatan. *Dewan Sastera*, September.
- Siegal, T. 1979. *Shadow and Sound, the Historical Thought of the Sumatran People*. Chicago: University of Chicago Press.

(Sumber asal rencana ini adalah dalam bahasa Inggeris dengan tajuk *Narrating Tragedy in an Epic Tradition: the Fallen Hero in Hikayat Pocut Muhamat* yang akan diterbitkan dalam buku festschrift memperingati Prof Dr Salleh Yaapar, suntingan Dr Lalita Sinha Universiti Sains Malaysia).

Penulis dan Penterjemah: Noriah Taslim, Ph D
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan
Universiti Sains Malaysia
11800 USM
Pulau Pinang.

Emel: tnoriah@usm.my.